

PERANAN MASJID DALAM MENGURUSKAN SKIM WANG KHAIRAT KEMATIAN (SWKK) DI MASJID JAMEK QARYAH TAMAN KUCAI LUNAS KEDAH MENUJU KE ARAH EKONOMI SOSIAL HALALAN TOYYIBAN

Setiyawan Gunardiⁱ, Zawin Hannan Sofea Shahbuddinⁱⁱ, Azman Ab Rahmanⁱⁱⁱ, Ahmad Zaki Salleh^{iv}, Syed Mohd Najib Syed Omar^v, Khairunneezam Mohd Noor^{vi}

ⁱ (Penulis Koresponden). Profesor Madya, Universiti Sains Islam Malaysia. setiyawan@usim.edu.my

ⁱⁱ Pelajar Siswazah, Universiti Sains Islam Malaysia. zawinhannansofea@gmail.com

ⁱⁱⁱ Profesor, Universiti Sains Islam Malaysia. azman@usim.edu.my

^{iv} Profesor Madya, Universiti Sains Islam Malaysia. ahmadzaki@usim.edu.my

^v Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia. syednajib@usim.edu.my

^{vi} Profesor Madya, Universiti Sains Islam Malaysia. neezam@usim.edu.my

Abstrak

Masjid tidak hanya dijadikan sebagai tempat beribadah sahaja bagi umat Islam, akan tetapi ia mempunyai peranan penting dalam memantau dan mensejahterakan kehidupan hamba Allah di muka bumi. Pelbagai aktiviti perlu dijalankan oleh masjid, sama ada dari aspek ibadah, sosial dan ekonomi melalui pendekatan halal dan toyyiban. Oleh itu, masjid perlu menguruskan semua aktiviti dan khidmat kepada masyarakat, yang diantaranya adalah menguruskan skim wang khairat kematian (SWKK). Justeru, SWKK diperlukan masyarakat Islam dalam menguruskan pengebumian jenazah yang memerlukan kos pengurusan yang diuruskan pihak masjid. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti peranan masjid dalam menguruskan SWKK. Selain itu, juga mendedahkan pengurusan SWKK dan kepentingannya kepada masyarakat. Serta, menjelaskan kedudukan SWKK dalam ekonomi sosial halal dan toyyiban. Untuk mencapai kajian yang terfokus, maka kaedah kualitatif deskriptif digunakan melalui pendekatan kajian kepustakaan sama ada primer mahupun sekunder. Juga temu bual berstruktur telah dilaksanakan dengan pihak masjid Jamek Qaryah Taman Kucai, Lunas, Kedah. Hasil kajian ini mendapati bahawa peranan masjid sangat penting dalam pengurusan SWKK dan skim wang khairat yang lainnya. Kejayaan menguruskan SWKK secara komprehensif boleh mencapai nilai ekonomi dan sosial yang mempunyai elemen halal dan toyyiban. Implikasi kajian ini menyakini bahawa masyarakat Islam akan mempercayai kepengurusan profesional masjid dan akan menyertai sebagai ahli khairat. Masjid dapat mengembangkan perkhidmatan kepada masyarakat demi kesejahteraan bersama.

Kata kunci: Masjid, Skim Wang Khairat Kematian, Pengurusan, Ekonomi Sosial, Halal dan Toyyiban

PENDAHULUAN

Masjid mempunyai peranan penting dalam membina akhlaq umat Islam dan mendidik mereka dengan pelbagai bidang. Bidang kerohanian menjadi tumpuan utama sebagai asas terhadap peranannya. Pada masa yang sama, masjid juga perlu meluaskan khidmat masyarakat dalam menjalani kehidupan bahagia dunia dan akhirat. Selari dengan perkembangan peradaban manusia dan perpusingan zaman, masjid juga boleh memainkan peranan dalam memberi khidmat yang mengandungi

unsur ekonomi (Setiyawan et. al., 2023). Secara amnya, bukan ekonomi yang meraih keuntungan dunia semata-mata, akan tetapi lebih kepada ekonomi sosial dengan elemen *halalan toyyiban*, yang menjadikan keperluan masyarakat masa kini (Zawin & Setiyawan, 2023; Joni Tamkin, 2011). Oleh itu, masjid biasanya menggunakan istilah kebajikan dalam memperihalkan nilai kedermawanan dengan istilah "*khairat*".

Istilah *khairat* berasal dari perkataan Arab (al-Maany, t.th.; Kamus Bahasa Melayu, 2017) bermaksud kebajikan atau kebaikan. Merujuk kepada pemikiran orang Melayu istilah *khairat* selalu dihubungkan dengan kematian, justeru selalunya perkataan *khairat* itu lengkapkan dengan perkataan "*khairat kematian*", yang merujuk kepada "satu kumpulan wang tabungan oleh seseorang anggota dalam lingkungan masyarakat tersebut dalam melaksanakan urusan kematian ini bermaksud kebajikan bagi menguruskan jenazah dan sumbangan kepada keluarga si mati". *Khairat kematian*, telah menjadi amalan tradisi atau budaya dalam masyarakat nusantara khususnya masyarakat Melayu di Malaysia (mykmu.net, 2020). Dan sentiasa berkembang sesuai dengan perkembangan semasa.

Pada umumnya kewujudan skim dana *khairat kematian* ini bertujuan untuk membantu meringankan beban waris si mati. Kedua, menyatukan penduduk setempat untuk mencari jalan terbaik dalam menyelesaikan sesuatu tugas apabila berlaku satu-satu kematian. Ketiga, memupuk semangat bekerjasama antara masyarakat setempat tanpa mengira fahaman masing masing.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif deskriptif melalui kajian kepustakaan dan temubual berstruktur. Kajian kepustakaan digunakan dalam kajian ini bagi mendapat sumber rujukan yang akurat sama ada primer mahupun sekunder. Primer dengan merujuk kepada al-Quran, hadith dan buku ilmiah. Manakala sekunder dengan merujuk kepada jurnal dan internet bagi mengukuhkan data yang dikumpulkan. Juga dijalankan temubual berstruktur dengan menemu bual salah seorang ahli jawatan kuasa yang menguruskan skim wang *khairat* (SWK). Temubual dijalankan secara bersemuka mengenai proses pengurusan SWK di masjid jamek kariah taman Kucai Lunas Kedai, model pengurusan yang digunakan, nilai manfaat dan ahli jawatankuasa yang menguruskan skim ini (Haji Abdul Jalil, 2022). Setelah semua data dikumpulkan dalam dokumen, maka dibuat analisa berdasarkan kaedah kualitatif deskriptif bagi mendapat hasil kajian yang diharapkan.

KAJIAN LEPAS

Kelebihan masjid dalam menguruskan skim wang *khairat*

Masjid memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan ummah pada zaman sekarang. Bukan sekadar menjaga kemaslahatan ummah ketika hidup bahkan juga menjaga kemaslahatan ummah ketika meninggal dunia. Hanyasanya yang pernah berdepan dengan kematian ahli keluarga sahaja tahu betapa susahnyanya menguruskan jenazah itu sendiri. Dengan adanya skim wang *khairat kematian* proses pengurusan jenazah dapat dilakukan dengan lebih mudah

dan lancar bermula daripada urusan di masjid sehinggalah ke liang lahad (Ashari, 2019). Selain itu, masjid menjadi tempat mengurus harta umat Islam yang berkaitan pengurusan SWKK melalui maqasid *hifzul mal*, yang membawa maksud bahawa perlindungan harta di bawah pengurusan pihak masjid (Shahbuddin et.al., 2023).

Kos pengurusan jenazah tidaklah sedikit, tapi dengan adanya skim wang khairat sedikit sebanyak dapatlah mengurangkan beban ahli keluarga untuk menguruskan jenazah si mati. Antara kos yang perlu ditanggung ahli keluarga adalah kos upah memandikan jenazah, kos pembelian kain kafan, kos pengangkutan dari masjid ke tanah penguburan, kos upah penggali kubur dan semua ini hampir menelan wang sebanyak RM 1500 (Ashari, 2019). Bagi sesetengah orang yang mampu, kos ini adalah tidak seberapa tapi bagi yang kurang berkemampuan, kos ini agak tinggi buat mereka.

Lagipula semua kos ini adalah bersifat segera yang mana ianya diperlukan pada waktu berlakunya kematian supaya proses pengurusan jenazah berjalan lancar. Pengurusan jenazah adalah sebaiknya dipercepatkan prosesnya kerana dalam Islam perkara itu disunatkan dan tidak baik melambatkannya sebagaimana dalam hadis Nabi bersabda "*Segerakanlah jenazah. Jika ia jenazah yang baik, maka ianya adalah satu kebaikan untuknya. Dan jikalau ia jenazah yang tidak baik, maka ianya satu keburukan yang kamu letakkan pada tengkuk-tengkuk kamu.*" (al-Bukhari #1315 dan Muslim #944)

Dari sekian banyak institusi yang ada, institusi masjid kariah adalah yang paling berkesan dan sangat efisien dalam menguruskan jenazah. Ini kerana tidak ada borang-borang yang perlu dihantar ke pejabat-pejabat atau birokrasi lain untuk pengesahan (mykmu.net, 2020). Cukup dengan pemberitahuan ke ahli jawatankuasa masjid, mereka akan terus menyiapkan semua kelengkapan pengurusan jenazah dari kain kafan, pemandian jenazah sehinggalah ke pengebumian si mati. Waris pula tidak perlu bersusah payah memohon pengesahan dari pelbagai pihak hanya sekadar untuk menuntut wang khairat kematian buat si mati.

Skim khairat kematian ini juga dapat mendidik masyarakat untuk bersedekah (Siti Awadah, t.th). Ini apabila mereka membayar wang khairat kematian, secara automatik mereka akan turut mengeluarkan wang untuk digunakan ke jalan yang baik iaitu untuk kemaslahatan ummah selain mereka juga turut mendapat manfaat dari usaha baik mereka itu. Jelasnya, pengurusan pengebumian akan diurus daripada A sampai Z oleh masjid menerusi wang tabung khairat kematian (Mohd Amin, 2023).

Kekurangan masjid dalam menguruskan skim khairat kematian.

Sebaik-baik sesuatu sistem itu, tetap akan ada kurangnya juga. Begitulah juga skim khairat kematian yang dilaksanakan oleh pihak masjid. Walaupun pihak masjid cuba untuk menyempurnakan pelaksanaan skim khairat kematian ini, tetap juga ada lompongnya.

Antaranya adalah kekurangan pegawai masjid yang mahir sama ada dari segi pengurusan mahupun pengauditan (Siti Awadah, t.th). Ini kerana kebanyakan

pegawainya adalah orang-orang tua yang aktif dalam mengimarahkan masjid kariah. Jadi bukan semua yang dilantik itu mempunyai pengetahuan yang banyak tetapi cukup memadai untuk menjadi pegawai yang menguruskan skim khairat kematian.

Selain itu, kekurangan yang dihadapi oleh pihak masjid dalam menguruskan skim khairat kematian adalah sikap pegawai masjid itu sendiri yang culas, sambil lewa dan tidak telus dengan tugasnya. Hal ini tidak dapat diubah kerana itu merupakan sikap pegawai masjid itu sendiri tetapi masih boleh dikawal dengan adanya undang-undang dan etika kerja yang ketat, cumanya ianya masih boleh dilanggar oleh pegawai masjid itu sendiri. Kurangnya sikap amanah dan kredibiliti dalam segelintir diri pegawai itu yang terkadang menjadi duri dalam daging buat pegawai yang lainnya apabila terjadinya pecah amanah atau pengurangan audit.

PENGURUSAN SKIM WANG KHAIRAT (SWK) DI MASJID

Kebanyakan tabung SWK adalah diuruskan pihak masjid atau surau sekiranya dalam masyarakat yang tinggal di lingkungan taman dan agak sedikit ahli kariahnya. Justeru, masjid memainkan peranan penting dalam menyediakan keperluan umat Islam di masa kini.

Definasi Masjid

Masjid dari segi bahasa bermaksud tempat sujud manakala dari segi istilah pula ialah tempat khusus untuk beribadat bagi orang Islam seperti solat dan iktikaf (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017; al-Maany, t.th). Masjid juga merupakan tempat perkembangan dakwah islam, muamalat dan turut menjadi pusat aktiviti umat Islam.

Dalil Masjid

Masjid turut disebutkan oleh Nabi (SAW) sepertimana sabda baginda *“Dijadikan bagiku bumi ini sebagai masjid (tempat bersujud)”* (al-Bukhari #438). Ini bermakna masjid itu boleh dibangunkan di mana-mana jua tempat di atas muka bumi Allah ini.

Pandangan Ulama Mengenai Masjid

Ulama sangat menggalakkan para jemaah untuk mengimarahkan masjid supaya masjid lebih hidup sekaligus mampu menjadi tempat penyebaran dakwah islamiah kepada masyarakat setempat. Pengimarahkan masjid boleh dilakukan dari dua aspek iaitu aspek zahir dan aspek batin. Aspek zahir boleh dizahirkan melalui pembinaan masjid yang cantik dan bersih manakala dari aspek batin pula boleh ditonjolkan melalui pengisian ilmu, tazkirah dan suasana yang aman dan damai (Admin PMWP, 2019).

Amalan Skim Wang Khairat Kematian (SWK) di Masjid Jamek Qaryah Taman Kucai, Lunas, Kedah

Menurut Haji Abdul Jalil (2022) proses pengurusan SWKK di Masjid Jamek Qaryah Taman Kucai, Lunas, Kedah, para warga tempatan akan mengisi borang pendaftaran ahli dan menghantar kepada pihak pengurus tabung SWKK. Kadar bayaran adalah RM60.00 untuk setiap tahun. Manakala manfaat yang akan didapati ahli khairat adalah sebagaimana dinyatakan dalam jadual di bawah ini:

Manfaat menyertai Skim Wang Khairat Kematian di masjid Jamek Qaryah Taman Kucai, Lunas, Kedah

No	Keahlian	Jumlah manfaat (RM)
1	Ahli	RM500.00
2	Ibu/ayah	RM300.00
3	Anak	RM150.00

Jumlah keahlian pada masa ini adalah seramai 60 ahli kariah yang menyertai SWKK sejak ditubuhkan pada tahun 1999. Mereka menyambut hangat SWKK ini yang banyak memberi manfaat kepada ahlinya.

Haji Abdul Jalil (2022) menambahkan bahawa pengurusan SWKK ini berasingan daripada ahli jawatankuasa masjid bagi memberi kemudahan untuk pengurusan kepada ahli dan mengelakkan percampuran tabung SWKK dengan tabung masjid. Sebahagian daripada caruman SWKK oleh ahli kariah tidak dibenarkan untuk diambil walaupun sedikit dan diagihkan kepada pihak pengurusan masjid, kerana sememangnya tabung SWKK dan tabungan masjid tidak dicampur antara satu sama lain.

Yang terpenting AJK pengurusan SWKK ini hendaklah seorang yang mampu bertanggung jawab menjalankan tugas, sanggup menerima tugas pada bila-bila masa dan menguruskannya sehingga selesai. Oleh itu, bagi memastikan ketelusan dan integriti pengurus, maka pihak masjid perlu sentiasa membuat peringatan bahawa setiap yang dilakukan akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak. Selain itu, juga sentiasa melakukan pengauditan setiap kali mesyuarat untuk memastikan tiada kekurangan atau kelebihan. Pengauditan dilakukan oleh 2 juruaudit yang mengauditnya selain ianya akan ditunjukkan kepada setiap pegawai SWKK setiap kali mesyuarat. Kebiasaannya audit dijalankan setahun 2 kali pada awal tahun dan akhir tahun. Perkara ini membuktikan bahawa ketelitian pihak pengurusan menjadi asas pengauditan bagi melindungi tabung tidak digunakan untuk sebarang perkara melainkan hanya untuk keperluan kos pembiayaan pengebumian jenazah Sahaja.

Proses pengurusan SWKK sentiasa dikemaskinikan bagi membuat pembaharuan dari masa ke masa. Ahli kariah yang tinggal di kawasan masjid Jamek Qaryah Taman Kucai, Lunas, Kedah mencadangkan sumbangan perlu dilebihkan bagi mendapat manfaat yang diterima juga banyak. Apatah lagi, situasi semasa memerlukan kos pengurusan yang agak tinggi. SWKK yang diurus di Masjid

Qaryah Taman Kucai berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) (ROS). Tabung dana akan menunjukkan minit mesyuarat kepada para ahli khairat kematian.

KESIMPULAN

Artikel ini merupakan tinjauan awal terhadap salah satu aspek kedermawaan yang amat ditekankan oleh agama Islam. Skim Dana Khairat merupakan satu mekanisme membantu sebahagian masyarakat Islam melalui penyaluran dana apabila berlakunya bencana atau musibah kematian. Kajian terperinci terhadap pelaksanaan dana khairat yang dijalankan di Masjid oleh institusi pendidikan tinggi di Malaysia atau dana khairat kematian yang dilaksanakan dalam masyarakat Melayu jarang diberikan tumpuan. Nilai kedermawanan yang telah bertapak dalam masyarakat Melayu seharusnya diberikan penekanan dalam membantu institusi tersebut ke arah urus tadbir yang lebih sistematik dan terbaik demi kebajikan warga institusi atau organisasi masyarakat. Kajian menyeluruh juga perlu dilakukan ke atas dana khairat yang diurus selia oleh masyarakat setempat dari pelbagai aspek.

CADANGAN

Sistem Pengurusan Wang Khairat Suratman (SPKS) merupakan sebuah sistem perisian secara dalam talian untuk membantu menguruskan dana tabung khairat dan mengemaskini segala jenis urusan mengenai wang khairat kematian perlu dicadangkan. Sistem ini dibangunkan untuk menggantikan kekurangan yang sedia ada pada sistem manual iaitu penggunaan kertas dan Microsoft Excel. Objektif sistem ini adalah untuk membangunkan suatu sistem yang berasaskan web portal yang dapat menyediakan maklumat kelengkapan pengebumian jenazah yang lebih efisien (Mohd Zainuri & Hamzah, 2022).

Kaedah sistem yang digunakan dalam sistem ini adalah model prototaip dan beberapa fasa penting yang terlibat dalam model tersebut termasuklah fasa perancangan, diikuti dengan tiga fasa yang dilakukan secara serentak iaitu fasa analisis, fasa mereka bentuk, fasa pelaksanaan dan akhir sekali fasa pengujian. Dalam fasa analisis, segala fungsi yang perlu ada di dalam sistem akan dijelaskan melalui Matriks Keperluan Keberkesanan (RTM) dan di fasa rekabentuk pula segala proses akan diterjemahkan dan kemudian diwakilkan dalam bentuk gambar rajah kes guna, gambar rajah aktiviti, gambar rajah kelas dan lain-lain. Seterusnya, fasa pelaksanaan pula akan dijalankan dengan membandingkan prestasi sistem dengan objektif yang ditetapkan semasa fasa perancangan. Pada fasa ini juga prototaip sistem akan dibina untuk mendapatkan gambaran awal projek tersebut (Zainuri dan Hamzah, 2022).

Akhir sekali ialah fasa pengujian di mana sistem yang telah berjaya dibangunkan akan diuji lari tentang keberkesanan dan kefungsiannya sistem tersebut. Bahasa pengaturcaraan dan pangkalan data yang digunakan adalah Hypertext Processor (PHP) dan MySQL. Seterusnya, sistem ini direkabentuk dengan menggunakan pendekatan yang berpandukan objek dimana ia akan membenarkan

data masuk. Hasilnya, satu system yang dinamakan Sistem Pengurusan Wang Khairat Suratman yang interaktif akan dihasilkan dan secara konklusinya, sistem ini akan membantu ketua kampung dan bendahari dalam merekodkan dan mengemaskini maklumat pengurusan wang khairat agar lebih sistematik dan efisien. Dengan adanya sistem seperti ini, ia membolehkan ahli Jawatankuasa masjid dapat menguruskan wang khairat kematian dengan lebih mudah dan teratur.

Selain itu, cadangan lain yang boleh diguna pakai untuk proses ini adalah, skim khairat kematian diselaraskan supaya ia lebih saksama, memberi kepuasan hati kepada semua, seperti seorang ahli membayar hanya kos semasa yang diperlukan untuk menguruskan pengebumian satu mayat. Contohnya adalah, jika kos ketika pengebumian satu mayat di suatu tempat itu daripada memandikannya, kafan, solat jenazah, pengangkutan, menggali kubur dan tanam adalah RM900, maka setiap ahli kenalah membayar RM900 sahaja apabila ingin menjadi ahli khairat kematian.

Oleh itu, individu atau ahli keluarga boleh membayar secara tunai ataupun secara ansur untuk satu tempoh yang ditetapkan dan apabila sudah cukup bayaran RM 900 yang dibuatnya itu, tidaklah perlu membayar lagi sehinggalah wang itu digunakan atau dikeluarkan kerana membiayai kematiannya atau kematian anggota tanggungannya. Daripada itu, jika wang khairat RM900 dalam tabung itu digunakan oleh ahli kerana membiayai kematian atau anggota keluarganya maka kekosongan itu perlu diisi semula bagi pembiayaan jika berlaku kematian anggota keluarga lain pada masa hadapan (Zainuri dan Hamzah, 2022).

Dalam pada itu, kos pengurusan pengebumian jenazah juga mungkin meningkat dari setahun ke setahun. Hari ini kosnya adalah RM900 tetapi mungkin lima tahun lagi kosnya akan meningkat menjadi RM1,500 atau lebih daripada jumlah yang ada sekarang. Institusi-institusi agama perlu lebih terbuka dalam meraikan kepelbagaian jemaah. Antara contoh yang dapat kita lihat adalah, kita boleh meraikan jemaah yang hadir tidak kira latar belakang sama ada mualaf, bertatu, bekas mak nyah atau bekas banduan kerana semua itu adalah kisah lalu. Selain tu, institusi-institusi agama juga boleh mewujudkan dana khas pengurusan jenazah bagi kes kecemasan atau terpencil bagi mengelakkan masalah pengurusan jenazah bertanggguh kerana wang yang tidak mencukupi.

Maka dengan itu, setiap ahli Jawatankuasa masjid perlu bekerjasama dengan badan atau masjid dan surau yang lain yang boleh memberi kerjasama atau bantuan mengenai perkara ini dan bukannya menolak secara mentah-mentah dalam hal ini. Pengetahuan mengenai Skim Khairat Kematian ini sangat penting untuk umat islam pada zaman kini dan hal ini tidak boleh dipandang mudah oleh semua golongan masyarakat. Contohnya, boleh diselitkan pengenalan mengenai perkara ini di program-program, forum-forum atau ceramah-ceramah di masjid atau surau (Ashari, 2019).

Jadi, semua ahli-ahli yang berkaitan mempermudah urusan masyarakat yang kurang berkemampuan dengan mengenali komuniti setempat tidak kira usia, bangsa dan agama, selain daripada berhenti menyalahkan institusi agama dengan cara berkongsi ilmu yang lengkap. Dengan pengurusan wang khairat kematian yang

lebih efisien, tidak akan ada lagi isu-isu atau kes-kes seperti kes jenazah ditanggung pengebumiannya, masjid dan surau tidak mahu untuk menguruskan solat jenazah, harga sewaan van jenazah mahal dan ada yang menghina dan sanggup mengeluarkan kata-kata yang kesat kepada masyarakat yang lain.

PENGHARGAAN

Setinggi-tingginya penghargaan diberikan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) selaku pembiaya dana terhadap penerbitan artikel ini di bawah geran penyelidikan Fundamental Research Grant Scheme (FRGS/1/2021/SS10/USIM/02/4). Juga, penghargaan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi (PPPI), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang telah mengurustadbir geran penyelidikan berkaitan (USIM/FRGS/FSU/KPT/51821). Akhirnya, ketua penyelidik juga memberikan penghargaan kepada semua ahli penyelidik bersama yang telah ikut sama menyumbangkan idea dan pandangan terhadap artikel ini.

RUJUKAN

- Al-Bukhari, Mohd ibn Ismail Abu Abd Allah al-Ju'fi. 1407H/1987. *Sahih al-Bukhari*. Ed. ke-3. Beirut: Dar Ibn Kathir al-Yamamah
- Al-Maany, Kamus. (t.th). <https://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar/%D9%85%D8%B3%D8%AC%D8%AF/>
- Admin PMWP. (2019). Pengimarahen Masjid: Tugas Kita. <https://muftiwp.gov.my/en/perkhidmatan/artikel-soal-jawab/3618-bayan-linnas-siri-ke-206-pengimarahen-masjid-tugas-kita>.
- Ashari, Amirul Haswendy. (2019). Pentingnya Khairat Kematian. MyMetro. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/08/484894/pentingnya-khairat-kematian>
- Haji Abdul Jalil. (2022). Pegawai masjid. Skim Wang Khairat di masjid, Kedah. 9 Disember
- Joni Tamkin, B. (2011). Membentuk Usahawan Muslim: Peranan Dana Masjid. Al-Basirah Vol. 1, No. 1: 53-63.
- Kamus Bahasa Melayu. (2017). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=khairat>
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=masjid>
- Mohd Amin, Manzaidi. (2023). Daftar khairat kematian, kenapa mesti ada had?. *Malaysia Gazette*. <https://malaysiagazette.com/2023/05/29/daftar-khairat-kematian-kenapa-mesti-ada-had/>

- Mohd Zainuri, N.A. & Hamzah M.H.I. (2022). Pembangunan Sistem Wang Khairat Kematian. *Applied Information Technology And Computer Science*. Vol. 3 No. 2 (2022): 1037-1056.
<https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/aitcs/article/view/7347/2898>
- Muslim, Abu Husayn ibn al-Hujjaj al-Qushayri al-Nisaburi. t.th. *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath.
- Mykmu.net. (2020). 15 Tempat untuk Tuntut Khairat Kematian yang Wajib Anda Tahu. <https://mykmu.net/2020/12/06/10-tempat-untuk-tuntut-khairat-kematian-yang-wajib-anda-tahu/>
- Shahbuddin, Z.H.S., Gunardi, S., Ab Rahman, A., Salleh, A.Z., Syed Omar, S.M.N., Mohd Noor K. (2023). Death Khairat Fund: Principles and Practise in Kota Damansara Mosque According to *Hiz al-Mal*. *Journal of Fatwa Management and Research*. Vol. 28 No. 3: 71-81.
DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol28no3.550>
- Setiyawan Gunardi, Zawin Hannan Sofea Shahbuddin, Azman Ab Rahman, Ahmad Zaki Salleh, Syed Mohd Najib Syed Omar, Khairunneezam Mohd Noor. (2023). Skim Wang Khairat Kematian (SWKK) di Malaysia: Kajian Awal Menurut Adat Melayu dan Hukum Syarak. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*. Vol. 30. No. 1 April Issue: 26-41. <https://al-qanatir.com/aq/article/view/526/375>
- Siti Awadah. (t.th.). Maksud Khairat Kematian dan Manfaatnya untuk Umat Islam. *Bidadari.my*. <https://bidadari.my/maksud-dan-manfaat-khairat-kematian/>
- Zainuri, N. A. M., & Hamzah, M. H. I. (2022). Pembangunan Sistem Wang Khairat Kematian. *Applied Information Technology And Computer Science*, 3(2), 1037-1056.
- Zawin Hannan Sofea Shahbuddin & Setiyawan Gunardi. (2023). Tinjauan Literatur Sistematis terhadap Peranan Institusi Masjid di Malaysia. *Al-'Abqari, Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*. Vol 29 (Oktober) 2023: 54-71. DOI: <https://doi.org/10.33102/abqari.vol29no1.508>